



جورنال التراث
AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOMEPAGE:

<https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University Of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR MERENTAS ZAMAN

Nur Zahidah Che Mohamed, Mohd Nazri Ahmad & Nor Syamimi Mohd
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
P110459@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received:
09/01/2023

Received in revised:
10/05/2023

Accepted:
01/06/2023

Published online:
30/06/2023

Abstrak

Ilmu penafsiran al-Qur'an telah berkembang seiring dengan penurunan wahyu. Perkembangannya bermula dengan Rasulullah s.a.w sebagai perintis dalam bidang keilmuan ini mula menafsirkan al-Qur'an. Baginda s.a.w telah meletakkan garis panduan bagi memandu umat manusia dalam penafsiran al-Qur'an iaitu menafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an, al-Sunnah, pendapat sahabat dan *tabi'in*. Artikel ini bertujuan membincangkan sejarah perkembangan ilmu tafsir seterusnya meneliti metode yang digunakan dalam penafsiran al-Qur'an. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul secara analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa metode pentafsiran al-Qur'an berkembang mengikut keperluan arus perdana dalam kalangan masyarakat adalah lebih berfokus dan mudah diterima serta diaplikasikan dalam kehidupan. Kajian ini memberi implikasi kepada para pengkaji dan masyarakat untuk lebih mudah berinteraksi dengan al-Qur'an.

Kata Kunci: Ilmu tafsir, garis panduan, metod pentafsiran, perkembangan tafsir, interaksi.



Abstract

The science of interpreting the Qur'an has developed along with the decline of revelation. Its development began with Rasulullah s.a.w as a pioneer in this field of science who began to interpret the Qur'an. His Majesty s.a.w has laid down guidelines to guide mankind in the interpretation of the Qur'an, which is to interpret the Qur'an with the Qur'an, the Sunnah, the opinion of the Companions and advice. This article aims to discuss the history of the development of the science of interpretation and then examine the methods used in the interpretation of the Qur'an. The methodology of this study is a qualitative one that uses a content analysis design. Data was collected through document analysis and analysed descriptively. The results of the study found that the method of interpreting the Qur'an developed according to the needs of the mainstream in society is more focused and easier to accept and apply in life. This study has implications for researchers and the community to interact with the Qur'an more easily.

Keywords: The science of interpretation, guidelines, interpretation methods, development of interpretation, interaction.

PENGENALAN

Kalimah tafsir adalah berasal daripada *al-fasru* yang membawa maksud mendatangkan makna yang boleh diterima oleh logik akal. Manakala, *al-tafsir* merupakan *masdar* bagi *wazan taf'il* yang maknanya merujuk kepada kepada kalimah khusus diucapkan bagi menjelaskan sesuatu makna dan istilah yang asing (Al-Aṣṣfahāni, 2017). Menurut Al-Dhahabi (2012) dan al-Suyūti (1991) pula ianya bermaksud menjelaskan dan menerangkan sesuatu. Manakala al-Halabi (1996) mengatakan tafsir al-Qur'an adalah menerangkan lafaz, makna-makna serta hukum mengenainya. Ibn Manẓūr (2010) dalam *Lisān al-ʿArab* pula menyatakan tafsir bermaksud menyingkap atau mendedahkan maksud perkataan yang sukar. Oleh yang demikian, pentafsiran ayat al-Qur'an adalah menerangkan dan menjelaskan segala yang terkandung di dalam al-Qur'an yang terdiri daripada makna, rahsia dan hukum-hukum yang berkaitan sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah al-Furqān ayat 33:

Maksudnya: “Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).”

Meninjau definisinya dari segi terminologinya pula terdapat pelbagai pandangan yang telah dikemukakan dalam kalangan ulama. Antaranya Syeikh ʿAli Sallamah (2002) dan al-Zarqāni (1943) yang mengatakan tafsir adalah ilmu yang membincangkan mengenai hal ehwal al-Qur'an mengikut maksud yang dikehendaki oleh Allah s.w.t mengikut batas kemampuan manusia berfikir. Manakala al-Dhahabi (2012) memetik pandangan al-Zarkasyi tentang definisi tafsir, beliau berpendapat tafsir adalah ilmu yang menerangkan mengenai apa yang difahami daripada kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w di mana menjelaskan makna-makna yang dikehendaki daripadanya serta mengeluarkan hukum-hukum dan hikmahnya. Adapun menurut al-Kalbī (t.th), tafsir adalah membahaskan isi kandungan al-Qur'an serta menjelaskan dan menerangkan maknanya.

Dalam pada itu, ilmu tafsir jika dilihat dari skop yang lebih meluas adalah menerangkan makna ayat-ayat al-Qur'an, *asbāb al-nuzūl* sesuatu ayat, pengelasan ayat *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, *muhkam* dan *mutasyābih*, *nasikh* dan *mansukh*, perkara *ʿam* dan *khas* serta halal dan haram dengan menggunakan perkataan yang merujuk kepadanya secara terus dan jelas tanpa ada kesamaran (Fauzi Deraman & Mustaffa Abdullah, 2010). Sebagai rumusan, terdapat pelbagai tafsiran dalam menjelaskan maksud kepada tafsir itu sendiri. Walaupun begitu, definisi yang dikemukakan oleh ulama' adalah berbeza dari segi

ungkapannya sahaja. Adapun dari segi pemahamannya adalah merujuk kepada maksud yang sama iaitu seputar pemahaman sesuatu ayat al-Qur'an. Tuntasnya, tafsir didefinisikan sebagai ilmu yang membincangkan mengenai kefahaman mengenai ayat al-Qur'an mengikut maksud yang dikehendaki oleh Allah s.w.t dengan menggunakan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya seperti bahasa Arab dan ilmu Qira'at bagi menerangkan perkara-perkara yang terkait dengannya.

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi sejarah perkembangan tafsir al-Quran bermula pada zaman Rasulullah s.a.w, diikuti zaman sahabat r.a, kemudiannya *tabi'in* dan hinggalah zaman selepas *tabi'in*. Bahagian kedua pula terdiri daripada pembahagian tafsir yang mengandungi perbincangan dua pembahagian tafsir utama sahaja iaitu *tafsir bi al-ma'thūr* dan *tafsir bi al-ra'yi*.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian secara analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh daripada dokumen yang berkaitan dengan sejarah perkembangan tafsir al-Quran bermula zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah zaman *tabi'in*. Antaranya sumber rujukannya adalah al-'Ak (1986) dalam *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'iduhū*, Fauzi Deraman dan Mustafa Abdullah (2010) dalam Pengantar Usul Tafsir, , Badar (2000) dalam *Tafsīr al-Ṣahābah* , al-Dhahabi (2012) dalam *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, Al-Suyuti (t.t) di dalam *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, al-Naisabūri (1995) dalam *Al-Waṣīt fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, al-Qattān (2000) dalam *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, al-Khatib (2010) dalam *Mafātih al-Tafsīr* dan Ibn Taimiyyah (1994) dalam *Muqaddimah fī Usūl al-Tafsīr*. Selain itu, bagi mendapatkan data kajian yang berkaitan dengan pembahagian tafsir pula menggunakan data yang diambil daripada Afrizal Nur (2020) dalam *Muatan Aplikatif Tafsir bi al-Ma'tsur dan bi al-Ra'yi* dan Ibn Manzūr (2010) dalam *Lisān al-'Arab*. Manakala, bagi metode tafsir diambil daripada Nashruddin (1998) dalam *Metodologi Penafsiran al-Qur'an* dan Al-Rūmi (1998) dalam *Buhūth fī Usūl al-Tafsīr wa Manāhijuhū*. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif untuk mengenalpasti perkembangan ilmu tafsir merentasi zaman.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Ilmu tafsir al-Qur'an sudah mula berkembang sedari zaman Rasulullah s.a.w masih hidup lagi. Baginda merupakan manusia yang menjadi perintis dalam bidang keilmuan ini kerana baginda adalah insan yang paling mengetahui maksud yang dikehendaki oleh Allah s.w.t menurusi wahyu yang diturunkan kepadanya. Pada awalnya, baginda mengajarkan ilmu ini kepada para sahabat. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang penakwilan oleh sahabat kerana sekiranya terdapat kemusykilan dalam sesuatu perkara mereka akan bertanyakan terus kepada Rasulullah s.a.w semasa baginda masih hidup. Setelah wafatnya baginda s.a.w, mula terdapat persoalan-persoalan baru dalam kalangan masyarakat yang timbul sehingga memerlukan kepada mereka untuk memberi penjelasan memandangkan mereka adalah golongan yang mendapat didikan langsung daripada Rasulullah s.a.w. Dalam pada itu, mereka juga turut merasakan perlunya untuk menyampaikan dan memastikan ilmu yang diajar oleh baginda s.a.w untuk sampai kepada generasi yang lahir selepas baginda wafat.

i. Tafsir Zaman Rasulullah s.a.w

Penafsiran pada zaman ini dilihat tidak mempunyai sebarang permasalahan kerana ianya ditafsirkan sepenuhnya oleh nabi s.a.w. Bahkan, ketika itu tidak wujud sebarang pertelingkahan dalam kalangan sahabat dalam memahami nas al-Qur'an kerana setiap penafsiran adalah bersumberkan wahyu daripada Allah s.w.t (Al-'Ak, 1986). Oleh yang demikian, baginda s.a.w dilihat sebagai perintis dalam ilmu tafsir. Safwat bin Mustafā

(1999) mengatakan bahawa sumber penafsiran pada zaman ini adalah terdiri daripada dua bahagian iaitu: Pertama, tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an. Kedua, tafsir al-Qur'an dengan al-Hadith. Perkara ini dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Kathir (t.t) dalam tafsirnya yang menyatakan bahawa penafsiran yang terbaik adalah menafsirkan sesuatu ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain. Hal ini kerana tidak semua ayat al-Qur'an yang didatangkan itu dapat difahami dengan jelas melainkan memerlukan kepada penjelasan yang lebih yang hanya dapat diketahui menerusi ayat yang lain. Namun, sekiranya tidak ditemui penjelasan tersebut hendaklah merujuk kepada hadith Rasulullah s.a.w di mana ianya turut berperanan sebagai penerang kepada sesuatu ayat al-Qur'an.

Menelusuri sirah, kita dapati baginda s.a.w diutuskan sebagai rasul yang ditugaskan oleh Allah s.w.t untuk menjadi penyuluh yang menerangi kehidupan umat manusia. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa baginda s.a.w menafsirkan setiap ayat daripada al-Qur'an sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Taimiyyah (1994). Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat 44:

Maksudnya: “(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.”

Adapun begitu, perkembangan ilmu tafsir pada zaman ini tidak begitu pesat memandangkan hanya Rasulullah s.a.w sahaja yang berautoriti dalam menafsirkan setiap ayat al-Qur'an yang diturunkan. Para sahabat juga hanya memfokuskan kepada penafsiran yang didatangkan oleh baginda nabi s.a.w disamping pengajaran yang dapat diambil daripadanya tanpa sebarang pertikaian (Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah, 2010). Sebagai rumusan, pentafsiran pada zaman Rasulullah s.a.w adalah diambil bersumberkan daripada al-Qur'an dan hadith. Hal ini kerana, tidak terdapat banyak isu dan pertikaian yang terjadi pada zaman tersebut ekoran Rasulullah s.a.w telah menjelaskan kepada para sahabat dengan jelas setiap persoalan yang diajukan kepada baginda. Namun, pertikaian yang terdapat dalam kalangan mufassirin hanyalah mengenai kadar pentafsiran yang dilakukan oleh baginda iaitu secara keseluruhan ayat al-Qur'an atau hanya sebahagian sahaja.

ii. Tafsir Zaman Sahabat

Sahabat adalah mereka yang sempat hidup sezaman dengan baginda nabi s.a.w dan pernah bertemu dengan baginda serta beriman dengannya. Mereka adalah penyambung kepada legasi perjuangan Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan risalah dan memberikan kefahaman kepada umat manusia. Keistimewaan yang terdapat pada mereka adalah mendapat pendidikan dan pentarbiyahan secara langsung daripada baginda nabi s.a.w lantas menjadikan mereka dapat memahami dan berinteraksi dengan isi kandungan al-Qur'an dengan sangat baik (Abu Syuhbah, 1408). Para sahabat berperanan sebagai penghurai kepada ayat-ayat al-Qur'an beserta *asbab nuzulnya* disamping menjawab persoalan berkaitan hukum-hakam yang timbul pada zaman tersebut. Namun begitu, kadar pentafsiran dalam kalangan mereka adalah berbeza. Ini kerana, terdapat beberapa faktor yang menghalang seperti terlalu sibuk dalam hal ehwal pemerintahan dan urusan negara, meninggal ketika usia muda, terlibat dengan perluasan wilayah Islam dan sebagainya (Al-Namir, 1985).

Sumber rujukan tafsir para sahabat pada zaman ini adalah terdiri daripada empat sumber iaitu (al-Dhahabi, 2012): Pertama, al-Qur'an. Kedua, al-Hadith. Ketiga, *ijtihad* dan *istinbat*. Adapun hal ini terdapat sedikit percanggahan dengan pendapat yang dikemukakan

oleh Badar (2000) di dalam kitabnya iaitu *Tafsir al-Sahābah* yang mana beliau berpendapat bahawa *asbab al-nuzūl* turut termasuk sumber rujukan para sahabat selain daripada al-Qur'an, hadith dan *ijtihad*. Nilai tafsiran sahabat mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi menurut penilaian ahli tafsir. Hal ini kerana mereka adalah golongan yang mendapat didikan secara langsung daripada baginda nabi s.a.w. Oleh yang demikian, pandangan dan tafsiran mereka terhadap isi kandungan al-Qur'an adalah mengikut landasan dan tidak bercanggah dengan syarak (Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah, 2010).

Menurut Al-Dhahabi (2012), tafsiran sahabat dihukumkan sebagai *marfūc*. Hal ini kerana sahabat tidak akan memperkatakan tentang al-Qur'an melainkan apa yang mereka dengar daripada Rasulullah s.a.w sahaja. Oleh yang demikian, setiap ahli tafsir wajib untuk mengambil tafsiran daripada mereka. Pandangan kedua beliau mengatakan sekiranya tafsiran sahabat tersebut tidak berkaitan dengan sesuatu yang tidak boleh diijtihadkan maka ianya dihukumkan sebagai *mauqūf*. Oleh yang demikian, mufassir boleh memilih sama ada hendak mengambil tafsiran tersebut mahupun menolaknya. Pandangan ketiga pula, sekiranya sahabat tersebut berijtihad dan menggunakan pendapat mereka dalam menafsirkan al-Qur'an, maka pendapat mereka itu adalah benar. Perkara ini bersangkutan dengan keberkatan persahabatan mereka dengan baginda nabi s.a.w selain mereka menyaksikan sendiri penurunan wahyu al-Qur'an, mereka memahami *asbab nuzul* sesuatu ayat serta situasi ketika ayat itu diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Al-Suyuti (t.t) di dalam *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* mengatakan bahawa *mufassir* yang terkenal dalam kalangan sahabat adalah Ibn Mas'ūd r.a, Ibn 'Abbas r.a, Ubay bin Ka'ab r.a, Zaid bin Thabit r.a, Abu Mūsa al-Asy'ari r.a dan 'Abdullah bin Zubair r.a. Adapun sahabat yang tidak begitu menonjol dalam bidang pentafsiran adalah Anas bin Malik r.a, Abu Hurairah r.a, 'Abdullah bin 'Umar r.a, Jabir bin 'Abdullah r.a, 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As dan 'Aisyah r.a. (al-Dhahabi (2012) & al-Naisabūri (1995)).

Secara rumusnya, pentafsiran pada zaman sahabat mempunyai perbincangan yang sedikit panjang berbanding zaman Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana, sumber rujukan pada zaman ini telah bertambah berikutan tuntutan dan keperluan pada ketika itu iaitu tafsir ayat al-Qur'an dengan al-Qur'an, hadith, *ijtihad* dan *istinbat* serta pendapat daripada Ahli Kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani. Selain itu, secara umumnya nilai tafsiran sahabat adalah terbahagi kepada 2 iaitu sekiranya disandarkan sepenuhnya kepada baginda nabi s.a.w ianya wajib diterima. Namun, jika terdapat ruang untuk mereka mengemukakan pandangan mereka maka ulama' telah berbeza pendapat sama ada ianya wajib diterima mahupun ditolak kerana terdapatnya ruang berlakunya kesilapan dalam pentafsiran.

iii. Tafsir Zaman *Tabi'in*

Setelah tamatnya generasi sahabat, usaha pentafsiran ini diteruskan pula oleh generasi *tabi'in*. Mereka bertalaqi secara langsung dengan sahabat yang juga mendapat pentarbiyahan daripada Rasulullah s.a.w. Namun begitu, cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka adalah berbeza daripada zaman nabi dan para sahabat sejajar dengan perkembangan zaman dan semakin jauh jarak mereka dengan baginda nabi s.a.w. Pada zaman ini, timbulnya banyak permasalahan baru di mana hal tersebut tidak wujud pada zaman-zaman sebelumnya. Ini menyebabkan perlunya kepada pengkajian, penghuraian serta pendekatan dari dimensi yang berbeza bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Justeru, perbincangan ilmu seperti pengenalan ilmu tafsir, *gharīb al-Qur'ān*, *asbab al-nuzūl*, *makki* dan *madani*, serta *nasikh* dan *mansukh* menjadi fokus pengkajian ahli tafsir pada zaman ini (al-Qattan, 2000).

Konsep pentafsiran dalam kalangan *tabi'in* adalah tidak terlalu jauh berbeza dengan zaman sahabat kerana mereka menggunakan sumber rujukan yang sama (Mohd Nazri & Muhd Najib, 2004) iaitu daripada al-Qur'an, hadith, periwayatan dalam kalangan sahabat, pendapat dalam kalangan Ahli Kitab serta *ijtihad* dalam kalangan *tabi'in* itu sendiri (al-Dhahabi, 2012). Ketika ini, perluasan wilayah Islam telah berkembang dengan pesat. Hal ini menyebabkan ramai sahabat diutuskan ke merata-rata kawasan bagi memastikan ajaran Islam sampai kepada masyarakat di sana, Ini secara tidak langsung dapat menarik minat penduduk setempat untuk mengenali dan mempelajari Islam melalui penghijrahan para sahabat ke kawasan mereka. Sehubungan itu, berlakulah pembukaan madrasah-madrasah khususnya bagi mengajarkan ilmu tafsir.

Contoh madrasah tafsir yang lahir ketika itu adalah madrasah tafsir di Mekah yang diasaskan oleh 'Abdullah bin 'Abas. Antara muridnya yang masyhur adalah Sa'id bin Jubair, Mujahid, 'Ikrimah maula Ibn 'Abbas, Tawus bin Kaisan al-Yamāni dan Ata' bin Abu Rabah (Al-Qattān, 2000). Setiap daripada mereka mempunyai keistimewaan dan kelebihan mereka yang tersendiri serta diperakui tafsiran mereka dalam kalangan ulama. Al-Suyūti (t.t) dalam *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān* dan Ibn Taimiyyah (1994) dalam *Muqaddimah fi Usūl al-Tafsīr* menukilkan kata-kata Sufyan al-Thaurī: "Pelajarilah kalian ilmu tafsir daripada Ahli Mekah ini iaitu Ibn Abbas, Mujahid, Ata', 'Ikrimah, Sa'id bin Jubair dan Ṭāwus". Manakala madrasah tafsir di Madinah pula dipelopori oleh 'Ubay bin Ka'ab. Ketika itu, perkembangan ilmu tafsir berkembang dengan pesat menyebabkan ramai mufassir dalam kalangan *tabi'in* yang mula menempa nama dalam bidang tafsir. Antaranya adalah Zaid bin Aslam, Abu al-'Aliyah al-Riyāhi dan Muhammad bin Ka'ab al-Khuraḍi (al-Dhahabi, 2012). Di Iraq, madrasah tafsir ini dikembangkan oleh Ibn Mas'ūd r.a. Ianya juga dikenali dengan *Madrasah ahl al-Ra'yi* (al-Dhahabi, 2012). Hal ini kerana, kebanyakan tafsiran yang dilakukan adalah dengan menggunakan pandangan dan *ijtihad* lalu menjadikan pendekatan pemahaman nas al-Qur'an dan hadith adalah dengan mengambil kira banyak pandangan ulama. Antara ulama yang lahir daripada madrasah ini ialah 'Alqamah bin Qais, Masrūq bin al-Ajda', al-Aswad bin Yazīd, Murrāh al-Hamdāni, Amir al-Sya'bi, Hassan al-Baṣri dan Qatādah bin Du'amah al-Sudūsi.

Selain itu, terdapat juga madrasah tafsir yang wujud di wilayah lain. Contohnya seperti madrasah tafsir di Syam yang melahirkan ulama seperti Abdul Rahman bin Ghamam al-Asy'ari dan 'Umar bin Abd al-'Aziz bin Marwan. Madrasah tafsir di Mesir pula melahirkan Yazid bin Abu Habib al-Azdi dan Abu al-Khair Marthad bin 'Abd Allah al-Yazni. Manakala, madrasah tafsir di Yaman pula melahirkan Tāwūs bin Kaisan al-Yamāni dan Wahab bin Munabbih al-San'āni (Abu Syuhbah, 1408). Mengambil pandangan yang dikemukakan oleh *tabi'in* terdapat *khilaf* dalam kalangan ulama. Ada yang membenarkannya dan terdapat juga sebaliknya. Hal ini merujuk kepada pandangan yang dilontarkan oleh Abū Hanīfah yang mafhumnya mengatakan bahawa sesuatu yang datang daripada Rasulullah s.a.w maka wajib ke atas kita untuk menurutinya, manakala sesuatu yang datang daripada sahabat dan *tabi'in* tidak semestinya dituruti kerana mereka adalah sama seperti kita iaitu manusia biasa (al-Dhahabi, 2012).

iv. Tafsir Selepas Zaman *Tabi'in*/ Zaman Pembukuan

Pada zaman ini, perkembangan ilmu tafsir diteruskan oleh *atba' al-tabi'in* iaitu generasi yang lahir selepas daripada zaman *tabi'in* sehinggalah pada hari ini. Era pembukuan telah bermula pada akhir kerajaan bani Umaiyyah dan menginjak ke awal pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah (al-Qattān, 2000). Ketika itu, metod penafsiran telah bertukar daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan yang mana melahirkan banyak kemunculan kitab-kitab tafsir. Ulama' hadith pada itu berkelana ke serantau pelosok negara bagi mengumpulkan hadith-hadith baginda nabi s.a.w yang menjelaskan mengenai ayat al-Qur'an, memastikan

kesahihan sanad dan matan hadith, membincangkan mengenai perihal perawi hadith dan *‘ilal* hadith yang dapat memberikan kesan terhadap hadith yang diterima (Khātīb al-Baghdādi, 1970). Hal ini dilakukan demi memastikan segala apa yang dikumpulkan adalah secara bersanad dan tidak diterima secara berasingan kerana tafsir adalah ilmu yang juga bersumber daripada hadith (al-Dhahabi, 2012).

Menurut Manna^c al-Qattān (2000), antara ulama yang terlibat dalam usaha ini adalah Yazīd bin Harūn al-Silmi, Syu^cbah bin al-Hajjāj, Waqī^c bin al-Jarrāh, Sufyan bin ‘Uyaynah, Ruh bin ‘Ubādah al-Basri, Adam bin Abu Iyas dan Abd^c bin Humaid. Pada awalnya, tafsir adalah salah satu daripada cabang daripada pengajian ilmu hadith. Disebabkan itu penekanan kepada pengambilan secara bersanad dan secara bertalaqi adalah ditekankan (al-Dhahabi (2012); al-Rūmi (1998). Pada zaman ini, penafsiran diambil bersumberkan riwayat daripada Rasulullah s.a.w, sahabat, *tabi^cin* dan *atba^c al-tabi^cin*. Bentuk penyusunannya juga telah disusun mengikut tertib mushaf sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Mājāh, al-Tabarī, Ibn Abi Hātim dan Ibn Mardawaih (al-Rūmi, 1998). Namun begitu, ilmu tafsir telah berkembang mengikut disiplin ilmunya yang tersendiri di mana mengakibatkan ianya terpisah daripada cabang ilmu hadith. Ketika itu juga telah lahir generasi *mufasssirun* yang tidak lagi mementingkan sanad dalam sesuatu periwayatan serta tidak menyebut nama ulama yang diambil pendapat daripadanya. Hal ini menyebabkan pembaca mengalami kesukaran dalam menentukan kesahihan dan *keḍa^cifan* sesuatu riwayat di samping kemasukan unsur-unsur *israiliyyat* dan hadith-hadith palsu yang tidak dibendung menjadikan berlakunya kacau-bilau dalam kitab-kitab tafsir.

Ekoran perkembangan pesat dalam bidang tafsir ini telah melahirkan kitab-kitab tafsir yang ditulis oleh mufasssir mengikut bidang kepakaran mereka (al-Suyūti, t.t) Antara karya yang terhasil adalah *Tafsīr al-Basīt* oleh al-Zujāj dan al-Wāhidī yang menekankan aspek *nahu*, *I^crab* dan *ilmu badi^c*; *Tafsīr al-Qurtūbī* oleh Imam Qurtūbī yang memfokuskan tentang permasalahan fiqh; *Tafsīr al-Kabīr* karya Imam Fakhrudīn al-Rāzī banyak membincangkan mengenai ilmu falsafah dan banyak lagi. Tuntasnya, pada zaman ini perkembangan tafsir telah beralih daripada metod lisan kepada bertulis. Ketika ini juga, ilmu tafsir mula dipisahkan daripada cabang ilmu hadith dan mula membentuk disiplin ilmunya yang tersendiri. Ianya telah disusun oleh ahli tafsir selari dengan susunan mushaf. Selain itu, disebabkan perkembangan pesat ilmu ini telah melahirkan kitab-kitab yang ditulis oleh *mufasssir* mengikut kecenderungan kepakaran masing-masing dan lebih memfokuskan hanya kepada satu bidang. Contohnya, pemikiran dan aliran, fiqh, bahasa dan sebagainya.

PEMBAHAGIAN TAFSIR

Dalam perbincangan ilmu tafsir, ulama telah mengelaskan tafsir kepada tiga bahagian utama (Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah, 2010) iaitu: Pertama *Tafsīr bi al-Ma^cthūr* atau dikenali juga dengan *Tafīr al-Riwāyah* atau *Tafsīr al-Naql*. Kedua, *Tafsīr bi al-Ra^cyi* atau dikenali juga dengan *Tafsīr al-Dirāyah*. Ketiga, *Tafsīr al-Isyārah* yang lazimnya disebut *Tafsīr al-Isyāri*. Perbincangan secara mendalam yang dibincangkan adalah berdasarkan perbahasan dua pembahagian tafsir utama sahaja iaitu *tafsīr bi al-ma^cthūr* dan *tafsīr bi al-ra^cyi*.

i. *Tafsīr bi al-ma^cthūr*

Tafsīr bi al-ma^cthūr adalah tafsir yang diambil berdasarkan sumber *riwayah* yang sahih dengan menafsirkan ayat al-Qur’an dengan ayat al-Qur’an yang lain, hadith daripada nabi s.a.w, *athār* daripada pada sahabat dan juga *tabi^cin* (al-Dhahabi, 2012; al-Wāhidī, 2011 & al-Rūmi, 1998). Al-Qattān (2000) dan Al-Rūmi (1998) mengatakan bahawa hukum mengambil dan berpegang kepada periwayatan *tafsīr bi al-ma^cthūr* adalah wajib. Hal ini

kerana jalan pengambilannya adalah bersumberkan periwayatan yang sahih serta selamat daripada berlakunya kesilapan dan keraguan dalam penafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Bentuk perkembangan ilmu *tafsir bi al-ma'thūr* mula mendapat tempat sekitar abad ke-3H dan ianya dapat dilihat menerusi dua aspek iaitu secara periwayatan atau lisan dan secara penulisan atau pembukuan (al-Dhahabi, 2012). Pada peringkat periwayatan ini, para sahabat telah mengambil periwayatan daripada Rasulullah s.a.w, para sahabat yang lain dan *tabi'in*. Manakala, pada peringkat pembukuan pula berlaku selepas ilmu tafsir membentuk disiplin ilmunya yang tersendiri di mana ianya terpisah daripada disiplin ilmu hadith.

Adapun sumber-sumber *tafsir bi al-ma'thūr* adalah menafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dengan al-Sunnah, tafsir al-Qur'an dengan *ijtihad* sahabat dan tafsir al-Qur'an dengan pendapat *tabi'in* (al-Rūmi, 1998). Antara contoh karya tafsir yang menggunakan metode *tafsir bi al-Ma'thūr* adalah *Tafsir Jami' al-Bayān fī Ta'wīl Āyi al-Qur'ān* oleh Ibn Jarīr al-Tabarī dan *Tafsir al-Qur'ān al-ʿAzīm* oleh Ibn Kathīr, *Ma'ālim al-Tanzīl* oleh al-Baghawī, *Zād al-Ma'āsir fī ʿIlm al-Tafsīr* oleh Ibn Jawzī dan *al-Durar al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr* oleh al-Suyūti (Afrizal, 2020).

ii. *Tafsir bi al-ra'yi*

Tafsir al- ra'yi telah mula berkembang setelah tamatnya abad salaf iaitu sekitar tahun ke-3H. Hal ini kerana agama Islam kian berkembang dan mengakibatkan kelahiran pelbagai mazhab dan aliran. Dalam perkembangan *tafsir bi al-ra'yi* ini, ianya turut dikenali dengan nama lain seperti *Tafsir al-ʿAqlī*, *Tafsir al-Ijtihādī* dan *Tafsir al-Dirāyah* (Abu Iyad, 2009). Meninjau dari segi bahasa, yang dimaksudkan dengan *al-ra'yi* adalah pandangan dengan mata kasar dan hati (Ibn Manzūr, 2010). Dari segi istilah pula adalah pentafsiran yang dilakukan oleh seseorang mufassir berpandukan kepada ijtihadnya sendiri yang mana mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang amat mendalam di dalam bahasa Arab serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an seperti *asbāb al-nuzūl* sesuatu ayat dan ayat-ayat *nāsikh* dan *mansūkh* (al-Dhahabi, 2012).

Sementara Manna^c al-Qattān (2000) pula mengatakan *tafsir bi al-ra'yi* adalah sesuatu yang diputuskan oleh seseorang ahli tafsir dalam menjelaskan makna sesuatu ayat menurut kefahaman dan *istinbat* pendapatnya sendiri. Abu Iyad (2009) di dalam *Mabāhith fī Usūl al-Tafsīr* turut menambah dengan menggunakan bentuk-bentuk (alat) ijtihad. *Tafsir bi al-ra'yi* sememangnya sinonim dengan penafsiran secara *ijtihad*. Dimana pendapat-pendapat yang dikemukakan turut memerlukan kepada sandaran padanya supaya ianya terhindar daripada sebarang bentuk kesesatan lalu membentuk tafsiran secara *mahmūd* (terpuji). Sekiranya tiada sandaran maka tafsirannya adalah *mazmūm* (tercela) (al-Suyuti, 1990). Ulama telah berbeza pendapat dalam hukum penafsiran al-Qur'an secara *tafsir bi al-ra'yi*. Menurut al-Qattān (2000), al-Suyūti (1985) dan Ibn Taimiyyah (1994) dalam *Muqaddimah fī Usūl al-Tafsīr* mengatakan hukum penafsirannya adalah haram. Manakala ʿImād (2006) menambah, hukumnya penafsiran al-Qur'an dengan tafsiran sendiri adalah haram sekiranya tidak mempunyai ilmu mengenainya. Hal ini berpandukan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ʿAbbas, Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: “Berhati-hatilah kalian dalam mengambil hadith daripadaku melainkan kalian mengambil daripada apa yang aku ajarkan kepada kamu. Barangsiapa yang melakukan pendusataan kepadaku dengan sengaja, sesungguhnya dia telah menyediakan tempatnya di nereka. Dan barangsiapa yang mengatakan mengenai al-Qur'an dengan pandangannya sendiri, dia juga turut telah menempah tempatnya di neraka.”

(Al-Tirmizi, *Jami al-Tirmizi*. Kitab: Tafsir al-Qur'an daripada Rasulullah s.a.w, Bab: *Mā Ja'a fī al-Ladhī Yufassiru al-Qur'ān bira'iyhī*. No. hadith: 2951. Hukum hadith: Hasan disisi Abu ʿIsa.)

Abu Iyad (2009) telah mengklasifikasikan *tafsir bi al-ra'yi* ini kepada dua bahagian iaitu *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mahmūd* (terpuji) dan *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmūm* (tercela). Sekiranya penafsiran itu adalah berdasarkan hawa nafsu dan berpegang kepada mazhab yang *fasid* maka ianya adalah *tafsir al-ra'yi al-mazmūm* (tercela) dan ianya adalah tertolak. Jika penafsiran dilakukan mengambil kira aspek syariah, bahasa, usuluddin, usul fiqh, hadith, dan hanya *menaqalkan* daripada periwayatan yang sahih maka ianya adalah *tafsir al-ra'yi al-mamdūh* (diterima) (Abu Syuhbah, 1408). Namun begitu, memetik pandangan yang dilontarkan oleh Afrizal Nur (2020) dalam *Muatan Aplikatif Tafsir bi al-Ma'tsur dan bi al-Ra'yi, tafsir bi al-ra'yi* masih boleh diterima dan digunakan selagi mana seseorang mufassir itu menjauhi 5 perkara tersebut iaitu; pertama, terlalu meneka kehendak Allah s.w.t walhal tidak mempunyai kemampuan untuk menafsirkan ayat al-Qur'an. Kedua, memaksa diri memahami sesuatu yang tidak diketahuinya. Ketiga, mengikut dorongan hawa nafsu. Keempat, mempunyai kepentingan mazhab dalam penafsiran. Kelima, mengelakkan diri daripada menafsirkan ayat-ayat yang berbentuk *qat'i*.

METODE TAFSIR

Sejajar dengan peredaran dan tuntutan zaman, ilmu tafsir turut berkembang dan ditafsirkan dalam pelbagai metode. Hal ini bertujuan untuk memberikan lebih kefahaman dan lebih memudahkan masyarakat untuk mendekati dan memahami isi kandungan al-Qur'an. Ianya juga dapat memudahkan capaian maklumat kepada pembaca sesuai dengan konteks yang diperlukan. Secara umumnya, evolusi yang berlaku dalam pengajian tafsir telah membentuk empat bentuk metode iaitu *ijmālī*, *tahlīlī*, *muqāran* dan *maudhū'i* (Hujair 2008).

i. Tafsir *Ijmālī*

Merupakan suatu bentuk penafsiran yang mengandungi penjelasan mengenai ayat al-Qur'an secara ringkas atau global tanpa mendatangkan penjelasan dan perbincangan yang mendalam dari aspek *mufradāt* dan hal-hal yang berkaitan dengannya (al-Khatīb, 2010). Dalam erti kata yang lain, metode *ijmālī* adalah menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an secara ringkas tapi padat dengan menggunakan gaya bahasa yang ringan dan lebih mudah difahami (Nashruddin, 1998). Mengimbas kembali sejarah perkembangan tafsir yang digunakan pada zaman baginda nabi s.a.w dan para sahabat, penafsiran al-Qur'an yang dilakukan pada ketika itu adalah secara *ijmālī*. Hal ini kerana mereka mengalami kesukaran untuk menemui perincian yang lengkap. Ditambah pula, sekiranya mengalami kemusykilan terhadap sesuatu perkara lantas merujuk hal itu kepada nabi s.a.w untuk mendapatkan solusi. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran kepada kita bahawasanya metode *ijmālī* ini merupakan metode penafsiran pertama yang terdapat dalam pengajian ilmu tafsir (Hujair, 2008). Antara kitab tafsir yang menggunakan bentuk ini di dalam penulisannya adalah *Tafsir al-Marāghī* karya Ahmad Mustafa al-Marāghī, *Tafsir al-Jalālain* oleh Imam Jalaluddin al-Suyūti dan Jalaluddin al-Mahallī, *Tafsir Taj al-Tafsir* oleh al-Mirghami, *Tafsir al-Qur'ān al-ʿAzīm* tulisan Muhammad Farid Wajdi, *al-Tafsir al-Muyassar* karangan Abdul Jalil ʿIsa dan sebagainya (Hujair (2008); Nashruddin (1998)).

ii. Tafsir *Tahlīlī*

Merupakan sebuah bentuk penafsiran yang dijalankan dengan menafsirkan setiap ayat, juzuk dan surah daripada al-Qur'an yang meliputi segala aspek. Antaranya, penjelasan mengenai makna ayat atau *mufradat* kalimah berserta huraian, *asbāb nuzūl*, *istinbat* hukum, munasabah antara ayat sebelum dan selepas, mendatangkan perbincangan ulama mengenai ayat tersebut dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Lazimnya, di dalam metode ini *mufassir* akan menyusunnya mengikut tertib mushaf (Nashruddin (1998); Al-Khatib (2010)). Dalam pada itu, metode penafsiran secara *tahlīlī* ini juga dikenali dengan

al-*Tafsīr al-Tajzī* kerana penyusunannya adalah mengikut turutan jujuk. Selain itu, ianya juga turut dipanggil dengan *Tafsīr al-Tartībī* kerana disusun sejajar dengan tertib susunan ayat-ayat al-Qur'an di dalam mushaf (al-Khatīb, 2010). Periwiyatan yang digunakan di dalam metode ini adalah meliputi penafsiran secara *al-ma'thūr* dan juga *bi al-ra'yi*. Terkadang ianya digabungkan bagi tujuan perbincangan. Hal ini merupakan salah satu daripada keistimewaan yang terdapat dalam metode *tahlīlī*. Antara kitab-kitab tafsir yang menggunakan metode ini melalui jalur *bi al-ma'thūr* adalah *Tafsīr Jami' al-Bayān 'an Takwīl Āyī al-Qur'ān* oleh al-Ṭabarī, *Ma'ālim al-Tanzīl* oleh al-Baghawī, *Tafsīr al-Qur'ān al-ʿAzīm* oleh Ibn Kathir dan *al-Dūrr al-Manthūr fī Tafsīr bi al-Ma'thūr* karya al-Suyūṭī. Manakala, melalui jalur *bi al-ra'yi* adalah *Tafsīr al-Khazīn* karangan al-Khazīn, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Takwīl* oleh al-Baidāwī, *Tafsīr al-Manār* oleh Muhammad Rasyid Rida dan banyak lagi (Nashruddin, 1998).

iii. Tafsir *Muqāran*

Tafsir Muqāran dikenali juga dengan tafsir bandingan atau komparatif. Ulama tafsir dalam membahaskan mengenai metode ini bersepakat terhadap definisi yang digunakan iaitu membandingkan sesuatu perkara dengan sesuatu yang lain (Nashruddin, 1998). Menurut Al-Khātib (2010) mengatakan *tafsir muqāran* adalah menghimpunkan pandangan-pandangan ahli tafsir lalu membuat perbandingan dan mengeluarkan pandangan yang paling *rajih* dalam kalangan mereka. Manakala, Al-Rūmi (1998) pula berpandangan metode penafsiran ini adalah metode yang diputuskan oleh mufassir untuk membandingkan sesuatu ayat atau sejumlah ayat al-Qur'an yang berada di bawah pokok perbincangan yang sama. Perbincangan yang dilakukan adalah dengan membandingkan ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, hadith, pendapat sahabat, *tabī'in*, pandangan ahli tafsir atau kitab samawi yang lain. Kemudiannya, dijelaskan pandangan yang paling *rajih* dan digugurkan pandangan yang tertolak. Antara *mufassir* yang terkenal menggunakan metode pentafsiran seperti ini ialah al-Naisabūrī, al-Alūsī, Abu al-Su'ūd, Abu Hayyan, Al-Rāzi dan Muhammad Rasyid Rida.

iv. Tafsir *Maudū'i*

Tafsir ini turut dikenali juga dengan nama lain seperti tafsir bertema, tafsir tematik dan tafsir topikal. Dalam membincangkan mengenai metode penafsiran ini, terdapat pelbagai tafsiran yang telah dikemukakan oleh ulama'. Al-Rūmi (1998) berpendapat, *tafsir maudhū'i* adalah suatu bentuk penafsiran ayat al-Qur'an yang tidak mengikut tertib mushaf tetapi menghimpunkan beberapa ayat al-Qur'an yang membincangkan mengenai topik perbahasan yang sama lalu menafsirkannya. Manakala pandangan yang dikemukakan oleh Mustafa Muslim (2000) pula, *tafsir maudhū'i* ialah menghimpunkan sekumpulan ayat al-Qur'an dari tempat-tempat yang berbeza dan mempunyai persamaan pada satu tajuk atau hukum serta menafsirkannya menurut *Maqāsid Qur'āniyyah*. Selain itu, metode ini juga menjelaskan tema yang boleh didapati hasil pengamatan ayat-ayat al-Qur'an secara teliti pada satu surah atau surah yang berbeza. Nashruddin Baidan (1998) pula berpandangan, metode tematik ini adalah perbahasan sejumlah ayat-ayat al-Qur'an mengikut tema yang telah ditetapkan. Pengkajian secara teliti dijalankan dengan meninjau aspek-aspek yang berkaitan dengannya seperti *asbāb nuzūl*, *mufradat*, munasabah ayat dan sebagainya. Perbincangan ini dikukuhkan lagi dengan didatangkan dalil-dalil sama ada daripada al-Qur'an sendiri, hadith, fakta ilmiah mahupun pandangan-pandangan ulama. Antara kitab yang menggunakan metode ini adalah *I'jāz al-Qur'ān* oleh al-Baqilāni, *al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī al-Qur'ān* karya Al-Arabi, *Ahkām al-Qur'ān* oleh Ibn Arabi, *al-Amthāl fī al-Qur'ān* karya Ibn Qayyim al-Jawzi, *Majāz al-Qur'ān* oleh Abi 'Ubaidah, *al-Insān fī al-Qur'ān* karya Al-ʿAqqad dan *al-Ribā' fī al-Qur'ān* oleh Al-Maudūdī.

PERKEMBANGAN TAFSIR DI NUSANTARA

Kajian yang dijalankan oleh Erwati Aziz (2018) mendapati, agama Islam telah sampai ke Indonesia pada abad pertama hijrah bersamaan abad ke-7 dan 8 masihi. Adapun perkembangannya adalah meliputi Malaysia, Singapura, Brunai, dan Filipina Selatan (Suku Moro) kerana negara-negara ini berada dalam rumpun yang sama iaitu Asia. Manakala, Syed Naquib al-Attas dan Mahyuddin Yahaya pula berpandangan pengajian Islam telah menular masuk ke Malaysia pada abad ke-9 masihi. Namun, dari segi pengajian tafsir ianya tidak banyak didapati melainkan selepas abad ke-20 masihi (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid, 2013). Umumnya, perkembangan tafsir al-Qur'an ini boleh dilihat melalui tiga dimensi. Iaitu (a) Penterjemahan dari mulut ke mulut (*musyafahah*), (b) Penafsiran melalui kaedah pembelajaran kitab-kitab tafsir, (c) Penulisan kitab-kitab tafsir (Erwati Aziz, 2018). Meneliti kerangka evolusi yang terdapat dalam pengajian tafsir di Nusantara, Amirulloh Sain (2016) telah mengklasifikasikan perkembangan tafsir di Nusantara ini kepada 4 bahagian utama iaitu;

- i. Fasa klasik iaitu sekitar abad ke-7 hingga 15 masihi. Pada peringkat ini pengajian yang berlaku masih belum boleh diklasifikasikan sebagai pengajian tafsir kerana pada ketika itu kemasukan ajaran baru bermula. Oleh yang demikian, fokus pengajaran dan pembelajaran adalah pada perkara asas. Masyarakat dididik supaya mengenal huruf *hija'iyah*, sifat-sifat huruf, kemudian memulakan bacaan daripada Juzu 'amma (Surah al-Naba' hingga al-Nas) seterusnya barulah membaca al-Qur'an mengikut tertib muṣḥaf (al-Fatihah hingga al-Nas). Adapun proses ini akan diulang-diulang beserta tajwid yang betul sehingga mereka boleh membacanya dengan baik dan lancar (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid, 2013). Di samping itu, pengajian agama pada ketika itu adalah memfokuskan pada pengukuhan 'aqidah, ilmu tasawuf, fiqh, ibadah harian seperti solat dan doa. Lazimnya, kelas-kelas agama akan diadakan di *muṣalla* oleh guru agama. Pada ketika itu, kebanyakan tenaga pengajar adalah terdiri daripada orang Arab, India dan Parsi. Mereka menggunakan buku rujukan di dalam Bahasa Arab sebagai sumber pengajian utama (Nabir, 1976; Ismail Yusof, 1995).
- ii. Fasa Pertengahan iaitu sekitar abad ke-15 hingga 17 masihi. Pada peringkat ini, mula terdapat komentar-komentar asas dan beberapa penulisan buku yang menjelaskan mengenai makna ayat-ayat al-Qur'an khususnya kalimah yang sukar untuk difahami. Selain itu, penulisan yang dihasilkan juga adalah berbentuk terjemahan serta tafsiran kepada terjemahan dalam bentuk yang ringkas. Dalam pada itu, terdapat juga karya yang mendatangkan perbezaan dalam kalangan ulama' dalam melakukan pentafsiran ayat al-Qur'an (John, 2008; Anthony, 2008). Adapun tokoh yang paling menonjol dalam mengembangkan ilmu tafsir pada zaman ini adalah Abdul Rauf bin Ali al-Jawi Tsumal Fansuri al-Singkili yang merupakan pengarang kepada *Tafsīr Tarjuman al-Mustafid* yang mana ditulis pada tahun 1599. Selain itu, Shamsuddin al-Sumatrani pula menghasilkan *Tafsīr Surah al-Kahf* yang mana telah diterbitkan oleh Sultan Iskandar Muda di Aceh pada tahun 1603 (Amirulloh, 2016).
- iii. Fasa Pra-Moden iaitu sekitar abad ke-18 dan 19 masihi. Ketika ini, bermulanya kewujudan aliran-aliran tafsir yang pelbagai di Indonesia. Antaranya aliran sufi seperti yang dibawa oleh Abdul Ṣamad al-Palimbani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Abdul Wahab Bugis, Abdul Rahman al-Batawi dan Daud al-Faṭāni. Jika diamati, hasil karya mereka tidaklah memfokuskan secara total mengenai

pentafsiran al-Quran tetapi mereka menjadikan al-Qur'an sebagai ayat sokongan dan sandaran kepada perbincangan mereka seperti yang terkandung dalam kitab *Siyār al-Sālikīn* dan ringkasan kitab *Ihya' 'Ulumuddīn* karya Imam al-Ghazali (John, 2008; Anthony, 2008). Sosok tubuh yang tidak asing dalam pengajian tafsir pada peringkat ini ialah Sheikh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali dengan Tok Pulau Manis. Beliau telah mengasaskan corak pengajian pondok yang mana telah diaplikasikan sebagai salah satu bentuk metod pengajaran pada ketika itu. Corak pengajian ini telah berkembang dengan pesat pada ketika ini khususnya di negeri Kelantan, Terengganu, Perak dan Kedah ekoran kebanyakan daripada tenaga pengajar yang mendapat pendidikan di Aceh, Patani, Mekah dan Madinah adalah berasal daripada negeri tersebut. Mereka kembali menabur bakti kepada masyarakat dengan membuka pondok-pondok pengajian mereka sendiri (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid, 2013). Adapun pondok yang mula-mula wujud dipercayai terdapat di Kelantan adalah sekitar tahun 1820 masihi di Pulau Condong yang diasaskan oleh Haji Abdul Samad Abdullah. Selain itu, terdapat juga pondok-pondok lain seperti Pondok Tok Konok Atas Banggol yang diasaskan oleh Haji Nik Zainal Abidin bin Nik Ismail. Adapun pondok yang paling masyhur pada akhir abad ke-19 masihi adalah pondok pengajian yang dijalankan di Masjid Muhammadi, Kota Bharu (M. Redzuan, 2005; Mustaffa, 2009).

- iv. Fasa Moden bermula sekitar abad ke-20 masihi sehingga ke hari ini. Ianya juga dikenali dengan 'Zaman Keemasan' di Indonesia kerana penerokaan dalam bidang tafsir telah berkembang dengan pesat dalam kalangan cendekiawan dan alim ulama'. Ketika ini kerja-kerja penterjemahan al-Qur'an telah diterbitkan dengan lengkap, tersusun dan sistematik ditambah dengan variasi pendapat dalam kalangan *mufassir* menyerikan lagi karya tafsir tersebut (Amirulloh Sain, 2016).

Adapun karya tafsir di Malaysia telah berkembang dengan pesat bermula abad ke-21 masihi. Ianya seiring dengan berkembangnya pengajian-pengajian tafsir di masjid, pondok dan institusi pengajian yang formal (Mustaffa Abdullah & Abdul Manan, 2009). Tenaga pengajar yang mengajar kebanyakannya adalah daripada lulusan Timur Tengah seperti Mekah, Pakistan, Mesir, Madinah, India dan sebagainya. Disebabkan kepelbagaian latar belakang institusi pengajian tersebut menjadikan corak pentafsiran yang dibawa mereka adalah lebih bersifat universal dan dilihat sesuai digunakan dalam situasi semasa (Siti Wahidah & Muhd Najib, 2017). Dalam pada itu, penulisan tafsir yang wujud pada masa kini jelas mempamerkan wujudnya kepelbagaian bentuk dan metod diguna pakai oleh *mufassir*. Hal ini lantas menunjukkan evolusi dan keunikan yang berlaku dalam bidang tafsir (Muhammad Amal & Muhd Najib, 2020). Ditambah pula dengan kelahiran kitab-kitab tafsir di Indonesia menggiatkan lagi usaha dalam kalangan ulama tafsir di Nusantara untuk membantu masyarakat lebih memahami al-Quran (Nur Azawani & Wan Hilmi, 2022). Antaranya adalah *Tafsir al-Azhar* yang ditulis oleh HAMKA dan *Tafsir al-Nur* karangan Tengku Muhammad Hasbi Ash-Siddieqy (Mazlan Ibrahim et al., 2018).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Siti Wahidah dan Muhd Najib (2017) mendapati karya-karya tafsir yang terdapat di Malaysia ini telah ditulis dengan menggunakan pelbagai metod dan telah ditulis dengan pelbagai jenis bentuk penulisan. Antaranya *Tafsir al-Munir Juz 28* yang ditulis oleh Ahmad Hasan Mohd Nazam (et.al) dengan menggunakan metod terjemahan dan boleh didapati dalam bentuk per juzuk dan *Ekonomi dalam Perspektif al-Quran dan al-Sunnah* tulisan Mohd Radzi Othman dan Ghafarullah Huddin Din menggunakan metod pentafsiran secara *maudū'ī* yang mana pentafsirannya adalah terhadap ayat-ayat yang terpilih sahaja. Selain itu, *Perbendaharaan*

al-Quran karya Sulaiman Ibrahim el-Barruhiy yang ditulis menggunakan metode pentafsiran secara *tahlīlī* dan mengikut susunan muṣḥaf. Dalam pada itu, bagi metode pentafsiran secara *ijmālī* pula adalah *al-Muhtamir Tafsir al-Quran Juz 1-30* karya Asmaji Aes Muhtar telah ditulis mengikut susunan muṣḥaf.

Secara keseluruhannya, ilmu tafsir ini perlu dikembangkan seiring dengan peredaran zaman. Melihat kepada perbincangan perkembangan tafsir pada zaman Rasulullah s.a.w, pentafsiran yang dilakukan adalah menggunakan kaedah *tafsīr bi al-ma'ṭhūr*. Oleh yang demikian, kaedah ini perlu dikekalkan sehingga ke hari ini supaya ayat yang ditafsirkan tidak lari dari *maqasid* penafsiran yang sebenar. Begitu juga dengan zaman sahabat turut perlu dikekalkan kerana corak pentafsirannya adalah tidak jauh beza dengan zaman Rasulullah s.a.w. Manakala pada zaman *tabi'īn* pula perlu turut dikekalkan kerana di dalam pentafsiran al-Qur'an tidak dapat lari daripada menggunakan kaedah asas dalam ilmu tafsir dengan meraikan perkembangan tafsir yang telah dibawa oleh *tabi'īn* seperti memasukkan ilmu *gharīb al-Qur'ān*, *asbab al-nuzūl*, *makki* dan *madani*, serta *nasikh* dan *mansukh* di dalam pentafsiran. Manakala, pada zaman pembukuan, penafsiran dalam bentuk ini perlulah dikembangkan lagi kerana ianya sudah semakin menghilang. Perlunya kepada era yang mengembalikan semula ruh *mufassir* yang memiliki kemahiran merentas bidang supaya dapat mengekalkan kegemilangan Islam dan lebih dapat diterima dan tidak diperlekehkan oleh masyarakat. Contohnya, gabungan antara kepakaran dalam bidang fiqh dan tafsir oleh al-Ṣabūni dan al-Syauqāni dalam bidang tafsir dan sains.

Bagi pembahagian tafsir pula, semasa di zaman klasik terdapat penafsiran secara *tafsīr bi al-ma'ṭhūr* dan *tafsīr bi al-ra'yi*. Namun, jika dilihat daripada keperluan semasa masyarakat pada zaman kontemporari ini lebih memerlukan kepada gabungan keduanya. Justeru, penafsiran dengan menggunakan kedua bentuk ini sudah tidak perlu dikembangkan. Contohnya seperti Tafsir Nur Ihsan dan Tafsir al-Marāghī yang lengkap 30 juzuk al-Qur'an sudah menggabungkan keduanya. Sekalipun pengarangnya berasal dari nusantara, kebanyakannya mendapat pendidikan daripada timur tengah. Oleh yang demikian, gabungan antara kedua bentuk penafsiran ini sewajarnya perlu diteruskan dan dikekalkan supaya nilai tafsir itu sendiri tidak hilang. Manakala bagi perbincangan metode tafsir, perkembangan yang perlu diperluaskan adalah tafsir *maudhū'i*. Ini kerana realiti semasa masyarakat memerlukan dalil yang menjawab terus kepada isu-isu yang sedang berlaku. Selain ianya lebih menarik perhatian dan lebih mudah difahami. Contohnya tafsir ayat hukum, *siyasah*, haji dan umrah, wabak, riba', *munakahat* dan sebagainya.

Adapun melihat kepada perkembangan tafsir di nusantara, kita dapati semakin berkembang namun trend perkembangannya tidak terlalu pesat jika dibandingkan dengan tafsir di timur tengah. Justeru, seharusnya perkembangan tafsir di nusantara ini diperluas kerana rujukannya diguna pakai sejak zaman berzaman dan tidak kurang nilainya seperti Tafsir Nur Ihsan dan Tafsir al-Azhar (HAMKA). Bagi meraikan teknologi masa kini, sewajarnya dikembangkan melalui medium *e-book* bagi memudahkannya untuk diakses oleh semua orang tanpa mengira tempat dan masa. Selain itu, turut membuat alih bahasa ke bahasa yang lebih universal iaitu bahasa arab dan bahasa inggeris supaya ianya tidak terhad kepada penduduk di nusantara sahaja. Oleh yang demikian, perkembangan ilmu itu tidak terhad kepada generasi tertentu sahaja selain mampu me'*reset*' kembali minda masyarakat supaya menjadikan al-Qur'an sebagai sumber rujukan kepada sebarang permasalahan yang berlaku dalam kehidupan.

KESIMPULAN

Sejarah mengenai perkembangan ilmu tafsir merupakan suatu topik perbincangan yang semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana melihat kepada dimensinya yang kurang mempunyai kepentingan. Ironinya, perkembangan ilmu tafsir harus dilihat dari aspek di mana ianya bermula bagi memastikan kesahihan sumber yang didapati pada ketika ini adalah tepat dan tidak menyimpang dari yang sewajarnya. Nabi Muhammad s.a.w telah menyediakan garis panduan yang ketat dan teliti kepada umatnya dalam rangka memahami dan meneliti ayat al-Qur'an khusunya dari konteks tafsir. Dalam pada itu, peredaran zaman telah mengakibatkan ilmu tafsir turut mengalami perkembangan. Ianya dilihat lebih bersifat universal dan lebih mudah untuk difahami ekoran metode penafsiran yang telah disusun oleh mufassirin adalah bersesuaian dengan keadaan semasa. Hal ini secara tidak langsung dapat memudahkan lagi pembaca khusunya umat Islam untuk lebih hampir dengan al-Quran.

Rujukan

- Abū Hayyān, Muhammad bin Yūsūf. 2010. *Al-Babr Muḥīṭ fī al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abu Syuhbah, Muhammad bin Muhammad. 1408. *al-Israilīyyāt wa al-Manāqīḥ fī Kutub al-Tafsīr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Afrizal Muhammad Nur. 2020. *Muatan Aplikasi Tafsir bi al-Ma'tsur dan bi al-Ra'yi: Telaah Kitab Tafsir Thabir Ibnu 'Asyur dan M. Quraish Shihab*. Yogyakarta: Kalimedia.
- _____. 2015. *Khaṣānah dan Kewibawaan Tafsir Bi al-Ma'tsur*. Riau: Asa Riau.
- Al-'Ak, Khalid Abdul Rahman. 1986. *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'iduhū*. Beirut: Dār al-Nafā'is.
- Al-Aṣṣfahānī, Abu al-Hussain bin Muhammad al-Raghib. 2017. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Kaherah: Dār Ibn Jawzi.
- Al-Dhahabi, Muhammad Hussain. 2012. *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Al-Halabi, Ahmad bin Yusuf al-Samin (757H). 1996. *'Umdah al-Huffāz fī Tafsīr Asyraf al-Alfāz*. Jil. 3 (al-Zā – al-Kaf). Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Kalbī, Muhammad Ahmad Juza'ī, t.th. *al-Tashbīl li 'Ulūm al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-'Arabiyyah.
- Al-Khatīb, Ahmad Sa'ad. 2010. *Majātib al-Tafsīr*. Arab Saudi: Dār al-Tadmuriyyah.
- Al-Naisabūrī, Ali bin Muhammad al-Wāhidi. 1995. *Al-Waṣīṭ fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Namīr, Abd. Al-Mun'īm. 1985. *Ilm al-Tafsīr*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Qattān, Manna' Khalil. 2000. *Mabāḥiṭh fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Rūmi, Fahd bin Abd Rahman. 1998. *Bubūṭh fī Usūl al-Tafsīr wa Manābijubū*. Riyadh: Maktabah Taubah.
- Al-Suyūṭī, Abu al-Fadl Jalaluddin Abd Rahman bin Abi Bakar, t.t. *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Arab Saudi: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah.
- Al-Wāhidi, Abū Hasan Ali bin Ahmad. 1430. *Al-Tafsīr al-Basīṭ*. Riyadh: Jami'ah al-Imām Muhammad bin Su'ūd al-Islamiyyah.
- Al-Zurqānī, Muhammad Abd Al-Azīm. 1943. *Manābil al-'Irḥān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Jil. 1. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Bābi al-Halabi.
- Amirulloh Sain Asari. 2016. *History and Development of Tafsir in Southeast Asia: Indonesia, Malasia, Brunei Darussalam, Singapore and Thailand*. Jurnal Warastsah, Vol. 01, Nom. 02, Disember 2016.
- Badar, Abdullah Abu al-Su'ūd. 2000. *Tafsīr al-Ṣahābah*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- 'Imad, Ali Abd al-Samī' Hussin. 2016. *al-Taisir fī Usūl wa Ittibājat al-Tafsīr*. Iskandariah: Dār al-Imān.
- Erwati Aziz & Nasruddin Baidan. 2018. *Perkembangan Tafsir al-Qur'an di Asia Tenggara*. Master Dissertation: Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Fauzi bin Deraman (Dr.) & Mustaffa bin Abdullah. 2010. *Pengantar Usul Tafsir*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Intel Multimedia and Publication.
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2013. *Early Development of Quranic Exegesis in Malaysia* dalam International Journal of Asian Social Science, 3 (8): 1732-1744.
- Hujair, A. H. Sanaky. 2008. *Metode Tafsir: Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufasssīrīn*. Al-Mawarid, edisi XVIII (18). Hlm. 263-284. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fida' Ismail bin Kathir, t.t. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Kaherah: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram (711H). 2010. *Lisān al-'Arab*. Jil. 9: al-Fa'. Beirut: Dār Sādir.
- Ibn Taimiyyah, Taqiyuddin Ahmad bin Abdul Halim. 1994. *Muqaddimah fī Usūl al-Tafsīr*, cet.1. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- _____. 1980. *Muqaddimah fī Usūl al-Tafsīr*. Beirut: Dār Maktabah al-Hayah.
- Ismail Yusof. 1995. *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: PhD Thesis, University of Malaya.
- Johns, L. Anthony H. 2008. *Tafsir al-Qur'an di Dunia Indonesia-Melayu: Sebuah Penelitian Awal*. Kuala Lumpur: Melayu Publisher.
- Khatib al-Baghdādi, Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit. 1975. *Al-Rihlah fī Ṭalab al-Hadīth*. Beirut: Dār Kutub al-'Alamiyyah.
- M. Quraish Shihab. 1984. *Metode Penyusunan Tafsir yang Berorientasi pada Sastra, Budaya dan Kemasyarakatan*. Indonesia: IAIN Alauddin.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd. Najib Abdul Kadir. 2018. *Pengenalan Tokob-Tokob Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman. 2005. *Islam dan Masyarakat Melayu - Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Amal Fathullah & Muhd Najib Abdulk Kadir. 2020. *Corak Penulisan Tafsir di Indonesia Abad ke-21 (2001-2019)*. Jurnal al-Turath; Vol. 5, No. 2; 2020.
- Mustafa Muslim. 2000. *Mabāḥiṭh fī al-Tafsīr al-Muḥīṭ*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Mustaffa Abdullah & Abdul Manan Syafi'i. 2009. *Khaṣānah Tafsir di Nusantara: Penelitian Terhadap Tokob dan Karyanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand*. Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan. 1 (25): 31-46.
- _____. 2009. *Khaṣānah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nabir, A. 1976. *Maahad Ihya' Asyraf Gunung Semanggol 1934-1959*. Kuala Lumpur: Department of History UKM.
- Nashruddin Baidan. 1998. *Metodologi Penafsiran al-Qur'an*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset.

- Nur Azawani Azhari & Wan Hilmi Wan Abdullah. 2022. *Metodologi Pentafsiran M. Quraish Shibab Dalam Tafsir Lubab*. Jurnal al-Turath; Vol.7, No. 02; 2022.
- Siti Wahidah Mustapa & Muhd Najib Abdul Kadir. 2017. *Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad ke-21 (2001-2015)*. Jurnal al-Turath; Vol. 2, No. 1; 2017.